

Headline **Terapi gantian ubat Methadone**  
Date **17 Aug 2009**  
MediaTitle **Sinar Harian**  
Section **Selangor & KL**  
Journalist **none**  
Frequency **Daily**  
ADValue **3,795**

Language **Malay**  
Page No **S17**  
Article Size **690 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
PRValue **11,385**



# Terapi gantian ubat Methadone

## Cara berkesan untuk merawat ketagihan heroin dan mengawal HIV/AIDS di Malaysia

**S**ETIAP hari, hampir-7,500 orang di seluruh dunia dijangkiti HIV sementara 5,500 mati akibat AIDS.

Malaysia turut mengalami epidemik HIV sejak kes pertama dilaporkan dalam tahun 1986. Lapan belas kes baru dilaporkan setiap hari dan sehingga 2007 sebanyak 80,000 kes HIV/AIDS dilaporkan di negara ini dengan 70 peratus daripadanya menggunakan dadah suntikan.

HIV/AIDS di Malaysia adalah berbentuk epidemik 'concentrated'. Oleh itu, memerangi HIV/AIDS dalam kalangan pengguna dadah suntikan adalah cara yang efektif bagi mencegah epidemik yang lebih berleluasa di negara ini. Pengurangan kemudaran adalah pendekatan yang digunakan di peringkat antarabangsa bagi memerangi HIV/AIDS.

Menurut kumpulan pakar ketagihan dan kesihatan awam, pendekatan pengurangan kemudaran memerlukan pelaksanaan pakej menyeluruh yang memberi keutamaan kepada mengurangkan kesan akibat penggunaan dadah suntikan daripada mengurangkan pengambilan dadah.

Terapi Gantian Dadah Methadone (MDST), pendekatan pengurangan kemudaran diluluskan Kerajaan Malaysia terbukti dapat mengawal pengambil heroin daripada dijangkiti HIV/AIDS akibat menggunakan jarum dan picagari tercemar.

Ketika berucap di bengkel media bertajuk "Memahami Terapi Gantian Dadah Methadone", Ketua, Pakar Ketagihan dan Perunding Psikiatri di Jabatan Perubatan Psikologi, Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Profesor Dr Mohamad Hussain Habil, berkata MDST telah mencapai 90

Headline	<b>Terapi gantian ubat Methadone</b>	Language	<b>Malay</b>
Date	<b>17 Aug 2009</b>	Page No	<b>S17</b>
MediaTitle	<b>Sinar Harian</b>	Article Size	<b>690 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Selangor &amp; KL</b>	Color	<b>Full Color</b>
Journalist	<b>none</b>	PRValue	<b>11,385</b>
Frequency	<b>Daily</b>		
ADValue	<b>3,795</b>		

peratus kadar kejayaan sejak projek perintisnya bermula dalam 2005.

"Walaupun kita perlu segera merawat pengguna dadah yang kian meningkat di negara ini, kita juga perlu menangani salah tanggapan orang ramai terhadap ketagihan dadah dan MDST. Ketagihan dadah bukan sahaja masalah sosial, tetapi juga satu gangguan otak kronik yang mengganggu fungsi psikologi dan fisiologi penagih.

"MDST bukan sahaja sebagai gantian kepada ubat lain. Ia menjurus dengan berkesan ke arah proses fisiologi yang menyebabkan ketagihan dan menawarkan rawatan perubatan selamat dan mempunyai pelbagai faedah lain selain mengawal HIV/AIDS, mengurangkan jenayah dan meningkatkan fungsi sosial pengguna dadah suntikan.

"Ini akan membawa kepada kadar pekerjaan lebih tinggi dan kualiti hidup pengguna dadah yang lebih baik," kata Profesor Mohamad yang juga Presiden Persekutuan Psikiatri dan Kesihatan Mental Asean (AFPMH).

Sementara itu, Presiden Persatuan Insaf Murni Malaysia, Dr Mohd Khafidz Mohd Ishak, menjelaskan perbezaan antara paras darah dan kesan biologi heroin dan Methadone.

Persatuan tersebut adalah sebuah organisasi bukan kerajaan dan anggota bersekutu Majlis AIDS Malaysia yang terlibat dalam MDST dan program pertukaran jarum dan picagari (NSEP) dalam kalangan pengguna dadah di Selangor.

"Methadone ubat untuk pemulihan seperti biasa. Ia menstabilkan pengguna dadah dan memudahkan mereka untuk kembali berfungsi dengan produktif, tidak seperti heroin yang menyahstabilkan mereka.

"Methadone mencegah sindrom penghentian ('withdrawal syndrome') (dalam ketiadaan heroin), menjadikan kesannya kurang teruk sambil mengurangkan ketagihan terhadap dadah dan akhirnya membantu menghapuskan penggunaan heroin," kata Dr Mohd Khafidz.

## Pendekatan terbaik

**MENURUT** Profesor Dr Rusli Ismail

dari Institut Penyelidikan Perubatan Molekul, Universiti Sains Malaysia (USM), kesan Methadone tahan lebih lama daripada heroin (lebih 24 jam). Ini bermakna pengguna dadah boleh berhenti mengambil dadah yang mereka ambil beberapa kali sehari selama ini dan mencapai keadaan bebas dadah.

"Pesakit tidak perlu lagi fikir mengenai dos dadah seterusnya bagi mencegah sindrom penghentian

seperti dulu dengan bahan penenang singkat seperti heroin. Beberapa ujian telah membuktikan bahawa Methadone meningkatkan hampir setiap fungsi penagih opioid dan membolehkan mereka menjalani hidup produktif seperti biasa.

"MDST telah terbukti beberapa kali sebagai rawatan paling berkesan bagi ketagihan dadah," kata Profesor Rusli yang juga menjadi Setiausaha Kehormat Majlis AIDS Malaysia.

Menyentuh mengenai kesan sampingan Methadone, Profesor Rusli berkata, seperti ubat lain, Methadone mempunyai kesan sampingan tetapi kebanyakannya adalah berkaitan dos dan mudah diuruskan, dan adalah lebih kurang daripada kesan sampingan akibat penggunaan ubat bagi penyakit kronik seperti kencing manis dan ketagihan dadah.

Methadone lebih selamat daripada kebanyakan ubat (contohnya, Digoxin untuk penyakit jantung, Theophylline untuk asma) yang digunakan untuk penyakit kronik.

Presiden Majlis AIDS Malaysia dan Ketua Unit Penyakit Berjangkit, Jabatan Perubatan, PPUM, Profesor Dr Adeeba Kamarulzaman, berkata MDST menghapuskan penggunaan atau perkongsian jarum dalam kalangan pengguna dadah kerana Methadone diambil secara oral dengan kerap dan ini mengurangkan bilangan pengguna mendapat HIV menerusi jarum tercemar.

"Cara tersebut dapat menghapuskan vektor utama bagi jangkitan HIV di negara ini, iaitu jarum dan picagari. Menghapuskan vektor untuk kawalan penyakit merupakan pendekatan kesihatan yang terbaik bagi memerangi penyakit berjangkit seperti HIV/AIDS.

"Terdapat juga bukti bahawa penghidap HIV positif yang menggunakan terapi Methadone telah

menunjukkan paras keserasian yang lebih baik kepada rawatan Antiretroviral (ARV) dengan kadar kejayaan yang sama berbanding kes HIV positif yang tidak berkaitan dengan dadah," katanya.

Menurut Profesor Adeeba, MDST perlu diperluaskan untuk memberi akses kepada pengguna dadah bagi meningkatkan akses dan pematuhan kepada terapi ARV.

Pengamal perubatan, Dr Musa Jantan, yang terbabit dengan penggunaan terapi Methadone sejak 2003 pula berkata MDST menyediakan satu sistem penjagaan masyarakat untuk pengguna dadah dengan memberikan rawatan perubatan dan kaunseling secara rahsia.

"Tanpa mengasingkan mereka daripada masyarakat seperti menempatkan mereka di pusat pemulihan di seluruh negara, MDST membenarkan pengguna dadah hidup seperti biasa, bekerja dan menyumbang kepada masyarakat tanpa dianggap sebagai penjenayah dan ancaman kepada masyarakat," katanya.

**PANEL** itu turut disertai Pengarah, Alcohol and Drug Service, St Vincent's Hospital, Australia, Dr Alex Wodak, yang berkongsi pengalaman beliau mengenai pelaksanaan MDST di Australia. Program Methadone Australia pertama bermula pada 1970 dan kini terdapat 39,000 pesakit mengikuti rawatan Methadone dan buprenorphine di Australia dengan kira-kira 70 hingga 80 peratus daripadanya guna terapi Methadone.

Menurut Dr Wodak, walaupun terapi Methadone berjaya di Australia, iaitu dua pertiga daripada pengguna dadah hidup bebas seperti biasa selepas rawatan selama dua tahun, masih lagi terdapat salah tanggapan mengenai MDST dalam kalangan orang ramai.

"Orang ramai perlu faham proses pemulihan pengguna dadah. Sekiranya seseorang telah mengambil heroin begitu lama, ketagihan mereka akhirnya akan menjejaskan kesihatan mental dan fizikal mereka termasuk perhubungan mereka bersama rakan-rakan, keluarga dan masyarakat.

"Pemulihan ambil masa dan orang

Headline **Terapi gantian ubat Methadone**  
Date **17 Aug 2009**  
MediaTitle **Sinar Harian**  
Section **Selangor & KL**  
Journalist **none**  
Frequency **Daily**  
ADValue **3,795**

Language **Malay**  
Page No **S17**  
Article Size **690 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
PRValue **11,385**

ramai perlu akui bahawa pengguna dadah perlu dirawat seperti pesakit lain. Walaupun terpaksa menghadapi semua ini, satu tinjauan dilakukan di Australia menunjukkan hampir tiga suku masyarakat menyokong rawatan Methadone," kata Dr Wodak yang juga Presiden Australian Drug Law Reform Foundation.

Sementara itu, Pakar Staf, Addiction Medicine, Blacktown and Mt Druitt Hospitals, West of Sydney, Australia, Dr Robert Gaham, berpendapat masih terdapat ruang untuk meningkatkan lagi rawatan Methadone kepada pengguna dadah.



● Terapi Methadone kini dikatakan lebih berkesan untuk merawat penagihan dadah.

